

## Puisi

### A. Wahab Ali

#### **PERJALANAN SI TUA**

Menoleh ke belakang  
Dunia mengejarnya  
Nostalgia menjadi sungai air mata

Menunggu kini  
Menjadi mainan sepi

Menuju ke hadapan  
Lapangan sunyi sendirian  
Tidak bertepi.

*19 Januari 2017  
Kampung Tunku, P.J*

#### **HIDUNG**

Bila kita sedang bertenaga dan sedang berusaha  
Hidung kita selalu mendongak  
Kerana mata kerap memandang tempat tinggi  
Takhta kejayaan yang bermain dalam mimpi  
Untuk diduduki.

Ketika usia melanjut dan banyak bahagian anggota mengecut  
Hidup kita lisut menunduk ke tanah  
Kerana kita tahu hidung yang mendongak  
Tidak mencium bau jannah.

*29 Januari 2017  
Kampung Tunku, P.J*

## **PERJALANAN TERAKHIR**

Perjalanan ini  
Seorang diri  
Amat sepi  
Tidak bertepi.

Selamat tinggal dunia  
Kampung sementara  
Kukumpul bekal  
Kini kubawa.

Orang telah lama  
Dan ramai ke sana  
Tidak pernah kembali  
Ke sini  
Untuk kutanya.

Hanya khabar Allah  
Tak pernah  
Bersua wajah  
Suluh  
Menuju arah.

Perjalanan ini  
Amat sayu dan ngeri  
Bagaimanapun  
Aku tetap bertolak pergi.

*13 April 2015  
Kampung Tunku, P.J*

## **USIA**

Hidup ini seperti setitis embun  
Melekat sebentar di daun dunia  
Dan pergi mengering tidak berbekas lagi.

*29 Oktober 2016  
Kampung Tunku, P.J*

**Biodata Penulis:****A.Wahab Ali**

Penulis merupakan penerima Anugerah S.E.A Write (1994). Kelahiran Kampung Sungai Kembong, Bangi, Selangor, pada 2 Mac 1941. Ijazah Doktor Falsafahnya dalam bidang pengajian Melayu dan Indonesia (1971) dari Australian National University. Pernah menduduki Kursi Pengajian Melayu di Universiti Leiden dan Sarjana Tamu di Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Antara karyanya adalah novel *Angin Hitam* (1968), *Pemburu* (1968), kumpulan puisi *Penemuan* (1975) dan *Sajak Orang Berdosa* (1977). Sementara antara penulisan ilmiahnya dalam *Kesusasteraan Melayu dalam Bandingan dan Pendidikan* (2009) dan *Kemunculan Novel dalam Sastera Modern Indonesia dan Malaysia: Satu Kajian Bandingan* (2012; terjemahan daripada *The Emergence of the Novel in Modern Indonesian and Malaysian*, 1991).